PP

lwn.

MOHD HAZRI HAMZAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NIK HASHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-2-2000]
24 OGOS 2000

DADAH BERBAHAYA: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1) & 39B(2) - Tuduhan pemilikan cannabis seberat 3,694.20 untuk tujuan diperedarkan - Samada pendakwa mengemukakan keterangan yang jelas dan mencukupi - Samada jualan secara terus dadah tersebut dibuktikan - Samada tertuduh mempunyai pengetahuan memiliki dadah tersebut - Samada pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie - Pertuduhan dipinda kepada kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah - Samada hukuman setimpal dengan kesalahan*

DADAH BERBAHAYA: *Tuduhan mengedar cannabis - Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Dadah disimpan dalam raga motosikal tertuduh - Samada dalam pemilikan tertuduh dengan pengetahuannya - Samada anggapan pemilikan berkanun dibangkitkan*

Tertuduh ('OKT') telah dituduh mengedar dadah berbahaya jenis cannabis seberat 3,694.20 gram di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). OKT telah ditangkap secara serang hendap dengan menggunakan ejen perangkap setelah polis diberitahu oleh seorang informer tentang kegiatan mengedar dadah OKT. Dadah tersebut berada di dalam raga motosikal tertuduh dan dibungkus dalam kertas dan plastik. OKT telah ditangkap polis sebelum dia sempat menjual dadah tersebut kepada ejen perangkap. Laporan polis tentang rampasan dadah dan tangkapan OKT tidak dikemukakan sebagai kes pendakwaan dan D/Sjn. Johari (salah seorang ejen perangkap) juga tidak dipanggil untuk memberi keterangan.

Diputuskan:

[1a] Kegagalan pihak pendakwa memanggil D/Sjn. Johari untuk memberi keterangan dan untuk mengemukakan laporan polis mengenai rampasan dadah dan tangkapan OKT menyebabkan kes pendakwaan menjadi lemah. Mahkamah berhak kepada keterangan yang jelas, tidak meragukan dan mencukupi sebelum memanggil pembelaan OKT terhadap pertuduhan yang amat berat itu.

[1b] OKT telah ditangkap sebelum transaksi jual beli dadah tersebut dapat dilaksanakan. Tanpa transaksi jual beli dadah disempurnakan dengan tepat sebagaimana janji, jualan secara terus dadah tersebut tidak dibuktikan terhadap OKT.

[1c] Tidak ada keterangan terus bahawa OKT, pada waktu dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan mengedar dadah, mempunyai pengetahuan bahawa dadah itu berada di dalam raga motosikal yang ditunggang olehnya. Motosikal dalam kes ini juga bukan suatu benda yang bersifat "anything whatsoever containing" untuk membangkitkan anggapan pemilikan berkanun di bawah s. 37(d) Akta.

[2] Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap OKT atas kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah cannabis pada masa dan tempat material. Oleh itu, mahkamah memerintahkan supaya pertuduhan asal dipinda dan diperturunkan kepada kesalahan di bawah s. 6 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta.

[3] Keseriusan kesalahan hendaklah setimpal dengan hukuman yang dikenakan. Oleh sebab OKT telah mengaku salah dan merupakan seorang pesalah pertama, maka hukuman penjaranya dikurangkan daripada 20 tahun kepada 14 tahun dan enam bulan, bersama dengan sebatan minima sebanyak sepuluh kali bagi kesalahan berat ini.

[Tertuduh didapati bersalah.]

Kes-kes yang dirujuk:
Haryadi Dadeh v. PP [2000] 3 CLJ 553 ***(dirujuk)***
Lim Guan Eng v. PP [2000] 2 CLJ 541 ***(dirujuk)***
Loo Kia Meng v. PP [2000] 3 CLJ 653 ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 ***(dirujuk)***
Munusamy v. PP [1987] 1 MLJ 492 ***(dirujuk)***
Ooi Hock Leong v. Regina [1955] 21 MLJ 229 ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Mohd Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 ***(dirujuk)***
Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] 1 MLJ 132 ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 158(1), 180(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 6, 30(6), 37(d), (da), (vi), 39A(2)(f), 39B(1), 40A(1), (2)
Evidence Act 1950, ss. 114(g), 134, 157

Bagi pihak PP - Jagjit Singh (Azizan Abdullah PPR)
Bagi pihak tertuduh - Ameenuddin Ibrahim; T/n Ameen & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:

Prakata

Tertuduh (OKT), 30 tahun, seorang pemandu lori, berkahwin dan mempunyai tiga orang anak, pada mulanya telah dituduh mengedar dadah berbahaya jenis cannabis seberat 3,694.2 gram di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta) seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 9 Jun 1999 jam lebih kurang 1.20 petang di kawasan berdekatan Pencawang Tenaga Nasional Berhad, di belakang stesen minyak Esso, Sg. Besi Highway East, Lot 4414 & 4415 Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu 3,694.2 gram cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39(B)(2) Akta yang sama.

Di akhir kes pendakwaan, oleh sebab ketiadaan keterangan yang jelas dan mencukupi untuk memuaskan elemen pertuduhan mengedar, maka mahkamah telah meminda pertuduhan itu kepada kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah yang sama di bawah s. 6 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta. OKT telah mengaku salah terhadap pertuduhan yang diperturunkan itu. Beliau telah disabitkan dan dihukum penjara selama 14 tahun enam bulan mulai tarikh tangkap dan sebatan minimum mandatori sepuluh kali.

Kes Pendakwaan

Pada 9 Jun 1999 jam 10 pagi Inspektor Tansli Mening (SP5), pengadu dalam kes ini, telah dikunjungi seorang lelaki Melayu (informer) di pejabatnya, Jabatan Narkotik, Kuala Lumpur, dan memberitahunya mengenai satu kegiatan dadah di mana informer bersedia memperkenalkan anggota polis kepada pengedar dadah. SP5 seterusnya mengarahkan D/Sjn. Johari bin Chin dan D/Kpl. Baharuddin bin Keling, sekarang berpangkat Sarjen (SP4), untuk pergi bersama-sama dengan informer dan buat pertemuan dengan pengedar dadah tersebut. Mereka bertiga bertolak ke tempat kejadian dan sampai di sana jam 11.15 pagi.

Di tempat kejadian iaitu di stesen minyak Esso, Sg. Besi, Lebuhraya Kuala Lumpur, informer telah memperkenalkan SP4 kepada OKT dan sejurus kemudian informer telah beredar dari situ. SP4 seterusnya berbincang dengan OKT untuk membeli dadah ganja sebanyak empat kilogram dengan harga RM1,400 satu kilogram. OKT bersetuju untuk menyerahkannya dadah dalam masa satu jam di tempat mereka berbincang iaitu di belakang stesen minyak itu di tempat yang bertanda (x) di atas rajah kasar (P21).

Menurut SP4, D/Sjn. Johari yang berada di hadapan stesen minyak di tempat yang bertanda (J), seperti dalam rajah kasar (P21), tidak dapat melihat SP4 dan OKT semasa mereka berbincang di bahagian belakang stesen itu di tempat bertanda (x). Menurut SP4 lagi, beliau sampai dahulu di tempat (x). Tiga empat minit kemudian baharu OKT sampai dengan menaiki sebuah motorsikal TZM Yamaha. Perbincangan antara SP4 dan OKT memakan masa 15 minit di tempat (x). Selepas itu OKT dan SP4 beredar. Pihak pendakwa walau bagaimanapun, tidak memanggil D/Sjn. Johari memberi keterangan, hanya ditawarkan kepada pihak pembela di akhir kes pendakwaan.

Kemudian SP4 bersama D/Sjn. Johari telah pulang ke IPK, Kuala Lumpur dan SP4 memaklumkan kepada Insp. Tansli (SP5) tentang apa yang telah berlaku. Jam 12.15 tengahari pada hari yang sama, SP5 bersama tiga pegawai dan 12 anggota polis termasuk SP4 dan Sjn. Johari, telah berlepas ke tempat sasaran dan apabila sampai di sana, mereka mengambil tempat masing-masing di sekitaran stesen minyak itu.

Pada jam 1.20 petang, SP5 telah menerima isyarat melalui set walkie-talkie daripada SP4 yang mengatakan bahawa OKT telah masuk ke kawasan belakang kedai runcit stesen minyak tersebut dengan menaiki sebuah motorsikal Honda EX5, dan memakai topi keledar warna kelabu dan kemudian berhenti di sebelah kiri sebuah kereta di mana D/Sjn. Johari berada di dalamnya, seperti tanda laluan yang dibuat oleh SP4 di atas rajah kasar P21. SP5 seterusnya memberi arahan melalui set walkie-talkie kepada D/Sjn. Johari untuk menangkap OKT. D/Sjn. Johari dengan pantas keluar dari kereta dan terus tangkap OKT yang berhenti di sebelah keretanya. Ketika itu OKT masih berada di atas motorsikal dan kali ini, OKT telah menggunakan sebuah motorsikal jenis Honda EX5 bernombor WGV 4360 (P23). Di dalam raga motorsikal tersebut terdapat satu plastik kuning yang bertanda “K.K. Jeans Shop” (P14). SP5 terus rampas P14 dan selepas ia diperiksa di hadapan OKT, beliau dapati di dalam P14 itu ada dua bungkusan keratan akhbar bahasa Cina; bagi setiap bungkusan ia mengandungi dua ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja dan kesemua empat ketulan tersebut dibaluti dengan plastik lutsinar bercop dengan “Golden Rabbit Brand” berserta lukisan seekor arnab pada setiap ketulan itu. Barang-barang kes dan OKT telah dibawa balik ke IPK Kuala Lumpur di mana satu laporan polis Salak Selatan Baru No. 1423/99 mengenai tangkapan dan rampasan telah dibuat oleh SP5. SP5 ialah pengadu laporan itu. Walau bagaimanapun, pihak pendakwa, atas sebab yang tidak jelas diketahui, tidak pula mengemukakan salinan laporan itu sebagai eksibit untuk menyokong dan mengesahkan secara hitam putih mengenai tangkapan dan rampasan tersebut. Mungkin pihak pendakwa

berpendapat laporan itu bukan lagi satu laporan maklumat pertama dan ia hanya merupakan satu laporan tangkapan dan rampasan yang dibuat oleh anggota polis, maka ia tidak perlu lagi dikemukakan sebagai eksibit. Harus diingat, laporan polis, sama ada ia merupakan satu laporan maklumat pertama atau pun tidak, dibuat oleh sesiapapun, walaupun oleh anggota polis, adalah penting. Ia merupakan suatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan di bawah s. 157 Akta Keterangan 1950 (AK) bagi menyokong testimoni pembuatnya. Namun begitu, nilai berat keterangan laporan itu bagi maksud sokongan bergantung kepada fakta sesuatu kes (sila lihat *Lim Guan Eng v. Public Prosecutor* [2000] 2 CLJ 541 FC). Spenser Wilkinson J dalam kes *Ooi Hock Leong v. Regina* [1955] 21 MLJ 229 telah mengulangi ingatan supaya laporan polis yang dibuat oleh pengadu hendaklah dikemukakan sebagai sebahagian kes pendakwaan. Beliau berkata:

> ... where a complainant has made a report to the police the report must be produced as part of the prosecution's case.

Empat ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja itu telah dihantar ke Jabatan Kimia, Petaling Jaya untuk diperiksa dan dianalisis. Ahli Kimia Kerajaan, Encik Cheong Meow Kioon (SP3) telah menjalani empat ujian seperti (1) pemeriksaan physical; (2) pemeriksaan microscopic; (3) Dequenois Levine Test (DLT); dan (4) Thin Layer Chromatography (TLC) ke atas ketulan-ketulan tersebut dan seterusnya mengesahkan daun-daun kering tersebut ialah cannabis sepertimana ditakrifkan di bawah s. 2 Akta dan beratnya ialah 3,694.2 gram.

Keputusan Kes Di Akhir Kes Pendakwaan

Di akhir kes pendakwaan, mahkamah adalah berkewajipan untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap OKT seperti di peruntukkan di bawah s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) (KPJ). Maksud kes *prima facie* dalam fahaman saya, adalah sama dengan mengatakan bahawa keterangan pendakwaan di akhir kesnya sudah mencukupi, jika tidak dipatahkan, untuk membuat sabitan terhadap OKT.

Selepas mendengar hujah-hujah kedua-dua belah pihak dan menilai dengan halusi segala keterangan pendakwaan yang terdiri daripada lapan orang saksi dan 27 eksibit, saya putuskan bahawa dadah yang telah dijumpai dan dirampas dari raga motorsikal (P23) yang dinaiki OKT pada masa dan tempat material ialah dadah berbahaya jenis cannabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 Akta dan beratnya ialah 3,694.2 gram. Dalam hal ini, saya berpuas hati dengan keterangan SP3 dan menerima keterangannya sebagai benar.

Informer

Peguambela yang bijaksana dalam hujahnya mengatakan informer itu sepatutnya dipanggil memberi keterangan kerana dia bukan lagi pemberi maklumat yang diberi perlindungan di bawah s. 40 Akta kerana dia telah memainkan peranan yang aktif dalam kes ini.

Mengenai informer saya dapati informer tersebut, sekiranya dia wujud, adalah seorang pemberi maklumat tidak lebih dari itu dan oleh yang demikian, identiti beliau adalah dilindungi di bawah s. 40 Akta. Samada seseorang itu informer atau telah menjadi ejen provokasi yang aktif adalah bergantung kepada fakta sesuatu kes (sila lihat *Munusamy v. Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; *Pendakwa Raya v. Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233). Dalam kes ini, informer yang dikatakan itu tidak memain peranan aktif; dia setakat menyampaikan maklumat kepada SP5 dan memperkenalkan SP4 yang menjadi ajen provokasi polis kepada OKT di tempat kejadian dan selepas itu, beliau telah dikatakan beredar dari situ.

Kegagalan D/Sjn. Johari Memberi Keterangan

Peguambela juga tidak puashati atas kegagalan pihak pendakwa memanggil D/Sjn. Johari untuk memberi keterangan dan menurut peguambela, kegagalan itu menyebabkan keraguan sama ada informer itu betul-betul ada di tempat kejadian dan sama ada perbincangan antara SP4 dengan OKT berlaku seperti dinyatakan oleh SP4.

Berhubung dengan kegagalan pihak pendakwa memanggil D/Sjn. Johari untuk memberi keterangan, memang benar sebagaimana dihujahkan oleh pihak pendakwa bahawa kegagalan memanggil D/Sjn. Johani untuk memberi keterangan tidak menjejaskan kes pendakwaan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 (AK) kerana dia telah ditawarkan kepada pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan. Saya sedar bilangan saksi tidak penting untuk membuktikan sesuatu fakta (s. 134 AK), dan juga sedar bahawa pihak pendakwa mempunyai budi bicara yang sepenuhnya berkenaan dengan pilihan saksi yang akan dipanggil di perbicaraan, namun demikian, dalam kes yang sebegini serius yang membawa hukuman mati mandatori jika disabitkan dan di mana kewujudan informer di tempat kejadian telah dicabar dan dipertikaikan, maka saya kira pihak pendakwa juga mempunyai tanggungjawab untuk memanggil D/Sjn. Johari sebagai saksi untuk membentangkan naratif kes pihak pendakwa dengan jelasnya, supaya menunjukkan bukti sokongan kebolehpercayaan SP4 mengenai wujudnya informer dan perbincangan jual beli di tempat kejadian tanpa keraguan, walaupun dalam hal ini, keterangan SP4 tidak boleh dianggap tidak bernilai

(s. 40A(1)) dan keterangannya boleh diterima di bawah s. 40A(2) Akta. Keterangan SP4 boleh diterima (admissible), tetapi berat nilai buktinya tidak sebegitu tanpa sokongan bebas. Keterangan SP4 mengenai perjumpaan dan perbincangan dengan OKT di tempat (x) di dalam P21 adalah penting. Malangnya keterangan SP4 dalam hal ini tidak disokong dengan bukti bebas dan oleh itu, ia meragukan. Perlu diingat SP4 tidak merekodkan butir-butir perbincangan itu di mana-mana jua pun (sila lihat keterangan SP5). Tawaran D/Sjn. Johari kepada pihak pembela adalah tidak mempunyai nilai bukti, kerana tawaran sahaja tanpa memberi keterangan dalam mahkamah tidak menguatkan kes pendakwaan. Malah kegagalan D/Sjn. Johari memberi keterangan telah menyebabkan kerugian kepada pihak pembela kerana mereka tidak dapat memeriksa balas beliau tentang sebarang perkara yang boleh menyokong kes pihak pendakwa. Dalam kes *Ti Chuee Hiang v. Public Prosecuto*r [1995] 3 CLJ 1, SC di ms 7, Edgar Joseph Jr FCJ dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Agung itu berkata:

> ... where it was never suggested by the prosecution that either of these individuals was not capable of belief, it would not have sufficed for the prosecution to have merely made available to the defence to be called as defence witnesses, as such a course would have put the defence to the disadvantage of not having been able to cross-examine them on any point on which they might support the prosecution case.

Walaupun kata-kata tersebut merupakan satu obiter dan tidak terikat, namun demikian, saya bersetuju dengan Mahkamah Agung betapa mustahaknya seorang saksi, sekiranya tidak ada cadangan oleh pendakwaan bahawa saksi itu tidak boleh dipercayai, untuk memberi keterangan bagi pihak pendakwa bagi menyokong kesnya. D/Sjn. Johari telah memain peranan penting dalam kes ini seperti juga SP4. Malah D/Sjn. Johari berpangkat lebih tinggi daripada SP4, yang ketika itu hanya berpangkat koperal. Dalam kes ini, tidak ada sebarang cadangan oleh pendakwaan bahawa D/Sjn. Johari tidak boleh dipercayai. Beliau telah berada di tempat kejadian semasa SP4 dikatakan telah berbincang jual beli dadah dengan OKT dan dia juga merupakan pegawai polis yang pertama menangkap OKT. Jika D/Sjn. Johari dipanggil memberi keterangan, sudah tentu dia dapat menjelaskan sama ada dia dapat melihat atau tidak SP4 berbincang dengan OKT di (x). Memandangkan kepada tempat kejadian itu ialah suatu tempat yang terbuka dan kemungkinan besar juga beliau tidak berada sepanjang masa yang agak lama selama 15 minit di (J) ketika SP4 dikatakan berbincang dengan OKT di (x), adalah lebih baik bagi D/Sjn. Johari sendiri yang menjelaskannya daripada SP4 yang mengatakan bahawa D/Sjn. Johari tidak dapat melihatnya berbincang dengan OKT di (x). Tetapi sedihnya, D/Sjn. Johari tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Sekiranya dia dipanggil dan memberi

keterangan, sudah tentu keterangan beliau dapat melengkapkan kes pendakwaan dan segala keraguan dan pertikaian yang ditimbulkan oleh pembelaan atas kewujudan informer, perbincangan jual beli dadah antara SP4 dengan OKT dan penangkapan OKT di tempat kejadian dapat dihapuskan sama sekali. Kegagalan pihak pendakwa memanggil D/Sjn. Johari untuk memberi keterangan, dan mengemukakan laporan polis yang dibuat oleh SP5 mengenai rampasan dadah dan tangkapan OKT menyebabkan kes pendakwaan menjadi lemah. Mahkamah berhak kepada keterangan yang jelas dan tidak meragukan serta mencukupi sebelum mahkamah boleh memanggil pembelaan OKT terhadap pertuduhan yang amat berat itu. Adalah tidak selamat bagi mahkamah bertindak untuk memanggil pembelaan OKT berdasarkan kepada keterangan SP4 yang tidak disokongkan itu.

Mengedar Dadah Melalui Jual Beli

Dalam kes ini pihak pendakwa telah cuba menunjukkan mengedar dadah melalui jual beli: iaitu melalui bukti pemilikan dadah dengan pengetahuan bahawa di dalam raga motorsikal itu ialah dadah untuk dijual. Pengetahuan mengenai dadah itu adalah berdasarkan kepada perbincangan jual beli dadah antara OKT dengan SP4 sebelum itu. Pada hemat saya, pengetahuan OKT tentang dadah semasa apa yang dikatakan perbincangan jual beli dadah dengan SP4 sebelum itu tidak boleh menjadi pengetahuan OKT tentang dadah yang berada di dalam raga motorsikal tersebut kerana transaksi jual beli dadah antara SP4 dan OKT itu meragukan dan telah terputus dan tidak disempurnakan akibat penangkapan awal ke atas OKT oleh D/Sjn. Johari. Oleh kerana wujudnya keraguan dan juga lompang dalam rantaian jual beli yang tidak disempurnakan itu, maka dadah yang dirampas dalam raga oleh SP5 itu tidak semestinya dadah untuk dijual kepada SP4 dan ini menimbulkan keraguan sama ada dadah tersebut adalah dadah untuk dijual. OKT telah ditangkap terlalu awal sebelum dia dapat sempat memegang P14 yang berisi dadah itu dan menyerahkannya kepada SP4 di tempat dan masa sebagaimana janji. OKT ditangkap di luar masa janji iaitu 50 minit lewat daripada masa janji yang telah dipersetujui selama satu jam. Tambahan pula, dia ditangkap bukan di tempat (x) sebagaimana janji tetapi di (y) dalam P21 yang mana tidak diketahui berapa jarak jauhnya dari (x), walaupun kedua-dua tempat tersebut berada dalam kawasan stesen minyak yang sama, dan walaupun juga pada masa itu, SP4 berada lebih kurang 20 kaki dari OKT. Jadi, tanpa transaksi jual beli dadah disempurnakan dengan tepat sebagaimana janji, maka rantaian keterangan jual beli dadah telah terputus dan meragukan dan oleh itu, mengedar dadah melalui jualan secara terus kepada SP4 tidak dapat dibuktikan terhadap OKT. Penangkapan OKT oleh D/Sjn. Johari dan rampasan dadah dari raga motorsikal itu (P23) oleh SP5 adalah pramasa dan terlalu awal.

Pemilikan Dadah

Selain daripada keterangan jual beli dadah sebagai bukti mengedar dadah, pihak pendakwa juga bergantung kepada keterangan bahawa OKT telah mempunyai kawalan atau jagaan ke atas dadah dalam raga motorsikal yang ditunggang oleh OKT, dan pengetahuannya mengenai dadah itu untuk membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan ke atas dadah tersebut pada masa dan tempat seperti dalam pertuduhan. Dengan penemuan fakta pemilikan sedemikian, maka pihak pendakwa bergantung pula kepada anggapan mengedar berkanun di bawah s. 37(da)(vi) Akta atas dasar OKT telah didapati memiliki cannabis 200 gram atau lebih pada masa dan tempat material.

Dalam kes sekarang, dadah di dalam P14 tidak berada dalam pemilikan fizikal OKT. Ia berada di dalam raga motorsikal yang ditunggang OKT. Ketika itu OKT dilihat berseorangan diri. Namun begitu, jarak jauh, iaitu proximiti antara P14 dengan OKT tidak pula diketahui, dan hakikat ini telah diakui oleh pihak pendakwa. Mengenai pengetahuan OKT tentang dadah, tidak ada keterangan terus bahawa OKT pada waktu dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan mengedar dadah (P2), mempunyai pengetahuan bahawa P14 mengandungi dadah. Keterangan SP4 mengenai jual beli dadah dengan OKT dan oleh itu, OKT semestinyalah tahu bahawa P14 mengandungi dadah untuk dijual, tidak terpakai kerana jual beli dadah itu tidak disempurnakan. Transaksi jual beli dadah seperti dinyatakan sebelum ini telah terputus dan meragukan dengan tertangkapnya OKT sebelum OKT dapat menyerahkan dadah itu kepada SP4 sebagaimana janji. Keterangan tingkahlaku OKT yang dilihat "dalam keadaan ketakutan dan mukanya pucat" oleh SP5, walaupun ia relevan, tetapi dengan sendirinya adalah tidak mencukupi untuk memberi inferen yang tepat bahawa OKT mengetahui apa di dalam beg plastik P14 itu. Lagipun, dadah itu berbalut dengan keratan akhbar dalam dua bungkusan, sudah tentu dadah itu tidak dapat dilihat dari luar P14. Jadi, tanpa keterangan yang cukup dan jelas, penemuan fakta bahawa OKT telah mempunyai milikan sebenar ke atas dadah tersebut tidak dapat dibuat dengan afirmatifnya. Oleh yang demikian, pihak pendakwa telah gagal membuktikannya.

Anggapan-Anggapan Di Bawah Sekyen 37(d) Dan 37(da) Akta

Adalah diperhatikan, anggapan pemilikan berkanun di bawah s. 37(d) Akta tidak terpakai dalam kes ini kerana, pada pandangan saya, motorsikal, di mana dadah telah dijumpai di dalam raga yang terbuka motorsikal itu, juga menyerupai dengan kedudukan sebuah kereta di mana dadah dijumpai di dalamnya. Jadi, motorsikal dalam kes ini adalah bukan suatu benda yang bersifat "anything whatsoever containing" untuk membangkitkan anggapan

pemilikan di bawah s. 37(d). Mahkamah Persekutuan terdahulu dalam kes *Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v. Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 132 memutuskan:

> (1) in this case the presumption under paragraph (d) of section 37 of the Dangerous Drugs Act has no application because the car in which the opium was found could not be held to be "anything whatsoever containing" the dangerous drug.

Sekiranya anggapan pemilikan berkanun tersebut terpakai sekalipun, anggapan mengedar berkanun di bawah s. 37(da)(vi) Akta tidak boleh dibangkitkan atas anggapan pemilikan berkanun di bawah s. 37(d) (sila lihat *Muhammed bin Hassan v. Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 170 FC; *Haryadi Dadeh v. Public Prosecutor* [2000] 3 CLJ 553 FC).

Pindaan Pertuduhan Kepada Kesalahan Di Bawah Seksyen 6 Akta

Namun demikian, mahkamah dapati pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap OKT atas kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah cannabis dalam P14 pada masa dan tempat material. Walaupun OKT tidak mempunyai milikan fizikal dadah tersebut, keterangan yang ada adalah memadai untuk membuktikan penemuan fakta tersebut. OKT telah dilihat menunggang motorsikal berseorangan diri di mana cannabis seberat 3,694.2 gram telah dijumpai berada di dalam P14 dalam raga motorsikal tersebut. Meskipun motorsikal ini (P23) bukan kepunyaan OKT, tetapi kepunyaan seorang yang bernama M. Balasubramaniam (P27) yang menurut pegawai penyiasat, Cif. Insp. Zainol Hisham (SP6) tidak dapat dikesan, motorsikal dan dadah tersebut telah berada dalam kawalan OKT semasa dia ditangkap.

Oleh yang demikian, mahkamah telah bertindak di bawah s. 158(1) KPJ dan perintahkan supaya pertuduhan asal (P2) dipinda dan diperturunkan kepada kesalahan di bawah s. 6 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang berbunyi seperti berikut (P28):

> Bahawa kamu pada 9 Jun 1999 lebih kurang 1.20 petang di kawasan berdekatan Pencawang Tenaga National Berhad, di belakang stesen minyak Esso, Sg. Besi Highway East, Lot 4414 & 4415 Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah ada dalam kawalan atau jagaan kamu dadah berbahaya iaitu 3,694.2 gram cannabis, yang mana kamu tidak diberi kuasa yang sah di sisi undang-undang untuk berada dalam kawalan atau jagaan kamu dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan tersebut (P28) telah dibaca dan diterangkan kepada OKT, termasuk hukuman yang diperuntukkan di bawah s. 39A(2), dan beliau dengan rela hati telah mengaku salah. Setelah berpuas hati bahawa OKT telah faham sifat dan akibat pengakuan salahnya, saya telah menerima pengakuan salahnya dan seterusnya mensabitkan OKT atas pertuduhan yang diperturunkan itu.

Hukuman

Peguambela yang bijaksana dalam rayuannya untuk meringankan hukuman, telah mengatakan dalam hujahnya bahawa OKT mempunyai tanggungan: seorang isteri dan tiga orang anak. OKT telah melakukan kesalahan kerana menghadapi kesulitan hidup dan dia menyesal atas kesalahan dan berjanji tidak akan mengulangkan lagi. Oleh kerana OKT merupakan pesalah pertama dan telah mengaku salah, peguambela memohon supaya suatu hukuman ringan dikenakan.

Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, selain memohon supaya mahkamah memberi perhatian kepada kepentingan awam, berat dadah dan keseriusan kesalahan dalam menentukan hukuman, telah juga meminta supaya motorsikal nombor WGV 4360 (P23) dilucuthakkan di bawah s. 30(6) Akta.

Kesalahan penyalahgunaan dadah berbahaya adalah suatu kesalahan yang berat. Seksyen 39A(2) Akta, menetapkan hukuman penjara maksimum seumur hidup (20 tahun) dan minimum lima tahun dan sebatan tidak kurang sepuluh kali bagi pesalah yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan dadah cannabis seberat 50 gram atau lebih (s. 39A(2)(f)). Dalam kes ini, berat dadah cannabis ialah 3,694.2 gram, yang merupakan suatu jumlah hampir 74 kali ganda lebih berat daripada berat minimum yang ditetapkan. Tambahan pula, penyalahgunaan dadah berbahaya ialah suatu gejala yang sangat merbahaya yang boleh membawa kepada kemusnahan masyarakat dan ancaman kepada kestabilan negara. Oleh itu, ia tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak. Jadi, keseriusan kesalahan hendaklah setimpal dengan hukuman yang dikenakan. Sebagai contoh, dalam kes *Muhammed Hassan supra*, Mahkamah Persekutuan telah menjatuhkan hukuman penjara selama 16 tahun dan sebatan sepuluh kali bagi kesalahan yang sama kerana memiliki cannabis seberat 1,784.8 gram. Dalam kes *Haryadi Dadeh, supra*, Mahkamah Persekutuan telah menjatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun dan sebatan sepuluh kali bagi kesalahan yang sama kerana memiliki cannabis seberat hanya 251.06 gram. Manakala, bagi kesalahan yang sama dalam kes *Loo Kia Meng v. Pendakwa Raya* [2000] 3 CLJ 653, Mahkamah Rayuan telah mengenakan hukuman penjara selama 15 tahun dan sepuluh kali sebatan kerana memiliki cannabis seberat 4,105 gram.

Oleh sebab OKT telah mengaku salah dan merupakan seorang pesalah pertama, dan melihat kepada fakta kes ini, maka saya telah memberi pengurangan sebanyak 1/4 daripada hukuman penjara seumur hidup (20 tahun) yang akan saya kenakan sekiranya beliau tidak mengaku salah terhadap kesalahan dan didapati bersalah selepas perbicaraan, dengan mengenakan hukuman penjara selama 14 tahun enam bulan bermula dari tarikh tangkap iaitu 9 Jun 1999 dan sebatan minimum sepuluh kali untuk menyedarkan OKT akan tindakan bodohnya melakukan kesalahan ini bagi menyelesaikan kesempitan hidupnya, dan sekali gus diharapkan hukuman ini menjadi deteran kepada orang ramai betapa seriusnya kesalahan ini di bawah Akta. Pada pandangan saya, hukuman tersebut adalah setimpal dengan kesalahan.

Berhubung dengan motorsikal (P23), saya berpuas hati bahawa kenderaan itu telah digunakan oleh OKT dalam melakukan kesalahan di bawah Akta. Justeru, menurut s. 30(6) Akta, saya perintahkan supaya motorsikal (P23) itu dilucuthakkan.